

Kertas Pemahaman


Bahagian A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 9

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "_____, rupa-rupanya kamu yang melambai saya tadi!" ujar Mei Ling kepada Julia.
A Oh
B Hai
C Wah
D Aduhai
2. "_____, mengapalah kain di ampaiannya itu tidak berangkat hingga ke malam!" keluh ibu.
A Wahai
B Amboi
C Aduhai
D Syabas
3. Kalian boleh mengadakan peraturan sendiri asalkan tidak _____ dengan peraturan sekolah.
A setentang
B bertentang
C menentang
D bertentangan
4. Orang lain sudah ke kebun sejak awal pagi tetapi dia masih _____.
A bermalas-malas
B bergegas-gegas
C berkira-kira
D bersiar-siar

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Tugas Encik Rahim ialah _____ buah kelapa sawit itu dari ladang ke kilang.
A mengubah
B mengangkut
C mengangkut
D mengangkat
6. Petani itu berasa _____ kerana ini merupakan kali pertama dia ditemu ramah oleh stesen televisyen.
A gusar
B gelap
C gayat
D gugup
7. Sejak dahulu lagi, pokok tongkat ali dan kacip fatimah telah dijadikan bahan _____ tradisional oleh masyarakat Melayu.
A ubat-ubatan
B ulam-ulaman
C sayur-sayuran
D tanam-tanaman